




JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. QMS 02304



Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4(6)

Tarikh : 20 April 2022
18 Ramadan 1443H

Semua Ketua Jabatan, Negeri Pulau Pinang

YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2022 KEPADA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 13 April 2022 telah bersetuju dengan Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 (BKK) kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri meliputi Kumpulan Pelaksana, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pengurusan Tertinggi sebanyak **1/2 bulan gaji atau minimum RM1,200.00. Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 3 Tahun 2022 dlm PSUKPP/01/0755/6 hendaklah dirujuk.**

3. Sehubungan itu, bagi persediaan **Pembayaran Bantuan Khas Kewangan** di Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kerjasama daripada pihak YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah diperlukan dalam mematuhi tatacara pembayaran yang ditetapkan.

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4(6)

Tarikh : 20 April 2022
18 Ramadan 1443H

4. Berikut adalah tatacara pembayaran yang perlu dipatuhi bagi tujuan pembayaran Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 :-

- a. Cetak laporan gaji G004 (Senarai Edit Pembayaran - Bayaran Khas Kewangan).
- b. Kemaskini di laporan berkenaan dengan memotong nama pegawai yang tidak layak dan juga amaun yang perlu dilaraskan (bagi pegawai yang tidak cukup bulan perkhidmatan).
- c. Jabatan juga perlu mengedit maklumat ke dalam sistem iSPEKS.
- d. Laporan gaji G004 yang telah diedit perlu disahkan oleh Ketua Jabatan dan dihantar ke Unit Gaji, Bahagian Pengurusan Bendahari Negeri.

“Disahkan bahawa semua maklumat dan pembetulan adalah betul. Sekiranya terdapat sebarang bayaran terlebih dilakukan, maka Jabatan ini bertanggungjawab untuk mendapatkan kembali amaun tersebut”.

.....

(Tandatangan & Cop Jabatan)

- e. Pastikan semua tindakan di atas dibuat mulai 20 April 2022 (SEGERA) dan mengemukakan ke Jabatan Kewangan Negeri (Unit Gaji) pada hari ini juga **sebelum jam 4.00 petang**.

5. Bayaran Pemberian Bantuan Khas Kewangan akan dibayar mulai **27 April 2022 (Rabu)** dan adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4(6)

Tarikh : 20 April 2022
18 Ramadan 1443H


6. Bagi tujuan pembayaran Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 ini, jabatan dikehendaki menyediakan Kew.8 (manual) dan merekodkan di dalam Buku Perkhidmatan pegawai perkhidmatan awam. Bagi pembayaran Pemberian Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 yang dibuat melalui **baucar berasingan**, sila lampirkan salinan Kew.8 dan penyata pengiraan sebagai dokumen sokongan bersama baucar bayaran tersebut.

7. Kerjasama YB.Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih jua.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



[MOHD AMRAN BIN ABD GHANI C.A(M)]

Bendahari Negeri,
Pulau Pinang.

☎ : **604-2623505**

✉ : mohdamran@penang.gov.my

s.k : Y.B Pegawai Kewangan Negeri

Timbalan Pegawai Kewangan Negeri